

Anwar umum peruntukan RM3 juta atasi masalah air UMS


UB 02.06.2023 P.08

Tidak mahu mahasiswa jalani kehidupan sukar ketika menimba ilmu

KOTA KINABALU: Kerajaan Persekutuan pada Rabu lepas meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS), bagi membantu menyelesaikan masalah bekalan air di universiti itu.

Mengumumkan perkara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata meskipun negara berdepan dengan keterhutangan negara sebanyak RM1.5 trillion, namun beliau tidak mahu mahasiswa UMS menghadapi kesukaran menjalani kehidupan ketika menimba ilmu.

“Dalam beberapa hari ini, kita pastikan wang itu disalurkan kepada kerajaan negeri, jangan ganggu mahasiswa, jangan ganggu staf, itu tanggungjawab kerajaan Persekutuan,” katanya pada Majlis Temu Anwar @UMS Kota Kinabalu di sini Rabu lepas.



BICARA: Acara Bual Bicara Bersama Perdana Menteri di UMS.

Turut hadir Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Yusof Apdal, Pengurus Lembaga Pengarah UMS Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Kasim Mansor.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata

peruntukan itu tidak mudah untuk diberikan, namun ia diberikan atas kesedaran beliau memahami kesukaran mahasiswa yang dianggapnya seperti anak sendiri.

Dalam pada itu beliau berkata kerajaan Persekutuan komited untuk mengatasi masalah sekolah daif serta keperluan pendidikan

di negara ini, dan melalui Kementerian Pendidikan, kerajaan sedang menjalankan usaha ke arah penyelesaian masalah itu.

“Saya tanya Menteri Pendidikan (Fadhlina Sidek) beri saya jumlah keperluan (baiki) sekolah daif, tandas rosak, klinik rosak itu, perlukan RM1.4 bilion. Pengalaman saya lihat sekolah lapan tandas ada empat rosak, empat tandas tiga rosak jadi adakah kita mahu latih anak kita beratur (masuk tandas) seperti filem Bujang Lapok,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata Presiden Indonesia Joko Widodo dijadual mengadakan lawatan ke Malaysia pada minggu depan.

Anwar berkata tujuan lawatan itu bagi memperkuatkan kerjasama hubungan bilateral antara kedua-dua negara, antaranya perdagangan, pelaburan dan pendidikan. -- Bernama